



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM @ADVOKASI
ANTIGANGGUAN SEKSUAL NEGERI JOHOR**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PERSADA JOHOR
19 NOVEMBER 2023 (AHAD) | 11.00 pagi – 2:00 pm**

Kemas kini 18 November 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual bagi Negeri Johor.**
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan, badan-badan korporat, persatuan majikan dan

sekerja, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat negeri Johor yang turut hadir pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini menunjukkan solidariti, sokongan serta kebersamaan dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat bagi mencapai persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua.
4. Untuk makluman semua, negeri Johor ini merupakan negeri yang ke-14 dan terakhir (*finale*) dalam siri jelajah Program

Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang diadakan di seluruh negara. Bak kata pepatah inggeris, *'save the best for last'*.

LATAR BELAKANG

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

5. Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu. Namun, adalah sangat penting dan mustahak untuk kita menguar-uarkan dan teruskan perbincangan **isu gangguan seksual**.

6. Sesetengah pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya atau salah faham.
Normalisasi pelakuan ini seharusnya tidak boleh berlaku. Tiada ruang langsung wajar diberikan kepada gangguan seksual, sama ada secara terang-terangan atau jenaka
7. Kita harus faham bahawa gangguan seksual adalah jenayah. Ia merupakan suatu fenomena negatif yang boleh memberi kesan buruk, bukan sahaja kepada mangsa malah keluarga dan persekitaran sekeliling mangsa.

8. Statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan bahawa jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan telah meningkat daripada **378 kes pada 2020 dan kepada 506 kes pada 2021**. Walau bagaimanapun, terdapat **sedikit penurunan pada tahun 2022 iaitu kepada 477 kes**. Jumlah kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan mangsa daripada kedua-dua jantina, lelaki dan wanita.
9. Namun, majoriti mangsa adalah daripada kaum wanita iaitu sebanyak **354 kes pada tahun 2020, 446 kes pada tahun 2021**

dan 416 kes pada tahun 2022. Statistik ini menunjukkan bahawa setiap tahun lebih **90 peratus daripada kes gangguan seksual adalah melibatkan mangsa di kalangan kaum wanita.**

10. Pada tahun 2022, terdapat 27 kes gangguan seksual yang dilaporkan di negeri Johor iaitu 5.7% daripada keseluruhan kes yang dilaporkan di seluruh negara.

11. Daripada jumlah tersebut, terdapat 21 kes melibatkan mangsa daripada kaum wanita dan 6 kes melibatkan gangguan seksual terhadap kaum lelaki.

12. Selain itu, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak juga adalah membimbangkan iaitu berjumlah **35 kes pada tahun 2022 di seluruh negara**. Bagi negeri Johor pula, terdapat 3 kes yang melibatkan mangsa kanak-kanak dilaporkan pada tahun 2022.

13. Namun, kita harus akui bahawa terdapat banyak kes gangguan seksual yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dan jumlah yang sebenar adalah lebih tinggi daripada yang dilaporkan atau lebih tepat *under-reporting*.
14. Ini terbukti apabila laporan yang diterima oleh Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang disediakan oleh KPWKM ketika Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual di 13 buah negeri telah mencatatkan laporan daripada seramai 1,317 mangsa gangguan seksual

dengan sekurang-kurangnya 368 (28%) daripadanya adalah mangsa lelaki.

15. Kita harus sedar bahawa gangguan seksual boleh terjadi di mana – mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak dan OKU.
16. Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)M)

telah mengambil tindakan yang serius untuk menangani isu gangguan seksual ini dengan menggubal **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**, sebagai suatu **Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual**.

17. Akta ini diharap dapat membantu mangsa untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan remedi dapat diberikan kepada mangsa.

18. **Penguatkuasaan Akta** ini telah dilaksanakan **secara berperingkat mulai 28 Mac 2023** yang melibatkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

(B) PELAKSANAAN ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

19. Program Jerayawara ini bertujuan untuk meningkatkan kesadaran, memberikan pendedahan dan menyebarkan pengetahuan tentang gangguan seksual serta garis panduan dan notis antigangguan seksual.

20. Di samping itu, pelaksanaan ini juga adalah **selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023** yang turut mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

21. Justeru, KPWKM telah membangunkan **notis antigangguan seksual** yang boleh dimuat turun melalui Kod QR dan laman web Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap organisasi termasuk premis awam dan swasta.
22. Pihak KPWKM melalui ISM juga menjalankan bengkel kejurulatihan Anti Gangguan Seksual di seluruh negara yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang Akta Antigangguan Seksual 2022. Sesiapa yang berminat boleh berdaftar nanti di ruang pameran ISM.

23. Antara jabatan dan agensi di bawah Kementerian yang terlibat adalah Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Institut Sosial Malaysia, Lembaga Kaunseling Negara, dan Yayasan Kebajikan Negara.

24. Turut bersama dengan KPWKM pada hari ini adalah rakan strategik Kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Jabatan Bantuan Guaman Johor, Jabatan Bomba dan

Penyelamat Johor, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT), dan lain-lain lagi.

25. Selain itu, terdapat juga gerai-gerai jualan produk-produk daripada usahawan-usahawan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Yayasan Kebajikan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

26. Di kesempatan ini, saya juga memohon kepada hadirin sekalian untuk berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual kepada keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan sebagai usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat di dalam komuniti kita.

(C) HARAPAN

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

27. Saya berharap dengan kebersamaan **agensi Kerajaan, sektor korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta seluruh masyarakat untuk untuk bekerjasama** agar kes gangguan seksual akan dapat dibendung dan sekaligus **menyediakan persekitaran yang selamat kepada bukan sahaja wanita malahan lelaki jua termasuk kanak-kanak dan setiap lapisan masyarakat.**

28. Oleh kerana program pada hari ini adalah program terakhir dalam siri jelajah Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jentera KPWKM terutamanya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang merupakan penganjur utama program ini.

29. Tidak dilupakan juga agensi-agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara

(YKN), dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Institut Sosial Malaysia (ISM) yang telah berhempas pulas untuk melaksanakan Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di kesemua 13 negeri.

30. Sesungguhnya kerjasama yang erat yang ditunjukkan oleh kesemua jentera KPWKM ini amatlah penting dalam memastikan setiap program yang diadakan di setiap negeri berjalan lancar dan dapat memberi impak yang besar

kepada rakyat di peringkat akar umbi. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

31. Sebagai penutup, izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Dari Johor Bahru Ke Kota Tinggi,
Singgah Sebentar di Iskandar Puteri,
Gangguan Seksual Kita Perangi,
Agar Sejahtera Seluruh Negeri.

Akhir kata, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual bagi Negeri Johor.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
19 November 2023